

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL


All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated
Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana ESG Global aims to maximise returns over long term by investing in a qualified Sustainable and Responsible Investment (SRI) Fund.

Takafulink Dana ESG Global bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang berkelayakan.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


	% NAV
1 Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund	100.19
2 Cash, Deposits & Others	-0.19

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	20/03/2023
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM8,325,292.94
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.20933

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana ESG Global Vs. Dow Jones Islamic Market
Developed Markets Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-6.05%	-5.45%	-1.03%	-4.13%	NA	NA	20.93%
Benchmark / Penanda Aras	-6.80%	-6.84%	0.80%	-4.58%	NA	NA	27.66%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.75%	1.39%	-1.83%	0.45%	NA	NA	-6.73%

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned -6.05% for the month, outperforming the benchmark return of -6.80% by 0.75%. Year-to-date, The Fund returned -5.45%, outperforming the benchmark return of -6.84% by 1.39%. As the first quarter of 2025 concluded, the underperformance of US equity market was mainly attributed to concerns surrounding recession risk driven by heightened uncertainties related to tariff. The Target Fund Manager believe that market expectation for more rate cuts may prove insufficient to support a sustainable market recovery as evidenced by the short-lived recovery in mid-March. Therefore, they anticipate further insights from company management regarding potential tariff impacts, latest business strategies and corresponding mitigation measures during the upcoming quarterly earnings which are set to begin in mid- April. In addition, market was also more concerned by the tech spending strengths. Accenture latest earnings once again highlighted the downside risks associated with federal spending exposure in the US as Department of Government Efficiency (DOGE) leads federal spending re-evaluation. By region, underweight in North America (NA) and strong selection in each region were major contributors to the relative performance. By sector, outperformance from Consumer Discretionary and Communication was more than offset by no exposures in Energy and Consumer Staples. The top contributors to the relative performance were United Health Group and Waste Management. Both companies operate a business that is relatively more defensive which investors consider as a safer haven for diversification in a volatile market environment. The top detractors to the relative performance were Novo Nordisk and Adobe. Novo Nordisk failed to deliver better weight loss with Cagrisema REDEFINE-2 trial after REDEFINE-1 trial disappointment in December 2024. There were also concerns about the side effects given that number of people taking high dose was lower. Nevertheless, the Target Fund Manager view Novo Nordisk as oversold opportunity for the obesity drug total addressable market of ~\$100B but they would also await for better trial result, communication and execution by the management to have better conviction. While Adobe earnings update suggests that they are on track to achieve FY guidance, investors were not impressed by the lack of successful AI monetization especially under an uncertain macro environment.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan -6.05% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -6.80% dengan perbezaan 0.75%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mengembalikan -5.45%, mengatasi pulangan penanda aras -6.84% dengan perbezaan 1.39%. Tirai suku pertama 2025 telah pun berlabuh, menyorot prestasi rendah pasaran ekuiti AS disebabkan terutama sekali oleh kebimbangan mengenai risiko kemelesetan yang didorong oleh meningkatnya ketidakpastian berkaitan dengan tarif. Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa jangkaan pasaran tentang lebih banyak pemotongan kadar mungkin tidak akan memadai untuk menyokong pemulihan pasaran seperti yang dibuktikan oleh pemulihan jangka pendek pada pertengahan Mac. Oleh itu, pengurus menantikan maklumat lanjut daripada pengurusan syarikat mengenai potensi impak tarif, strategi perniagaan terkini dan langkah pengurangan yang sepadan menerusi laporan pendapatan suku tahun akan datang, yang akan bermula pada pertengahan April. Di samping itu, pasaran juga lebih prihatin dengan kekuatan perbelanjaan syarikat teknologi. Pendapatan terkini Accenture sekali lagi menyerlahkan risiko penurunan yang terkait dengan pendedahan perbelanjaan persekutuan di AS kerana Jabatan Kecekapan Kerajaan (DOGE) memimpin penilaian semula perbelanjaan persekutuan. Menurut rantau, kekurangan pegangan di Amerika Utara dan pemilihan yang kuat di setiap rantau merupakan penyumbang utama kepada prestasi relatif. Menurut sektor, prestasi baik Pengguna Bukan Keperluan dan Komunikasi bukan sekadar menimbalkan ketiadaan pendedahan dalam Tenaga dan Pengguna Asasi. Penyumbang terbanyak kepada prestasi relatif ialah United Health Group dan Waste Management. Kedua-dua syarikat ini menjalankan perniagaan yang secara relatifnya lebih defensif, lalu pelabur menganggapnya sebagai tempat yang lebih selamat buat kepelbagaian dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu. Penggugat prestasi paling besar kepada prestasi relatif ialah Novo Nordisk dan Adobe. Novo Nordisk gagal untuk menurunkan berat badan dengan lebih berkesan melalui percubaan Cagrisema REDEFINE-2 selepas kegagalan percubaan REDEFINE-1 pada Disember 2024. Terdapat juga kebimbangan mengenai kesan sampingannya memandangkan bilangan orang yang mengambil dos tinggi adalah lebih kecil. Namun begitu, Pengurus Dana Sasaran melihat Novo Nordisk sebagai peluang terlebih jual buat pasaran obesiti yang boleh ditangani dengan jumlah ~USD100 bilion tetapi pasukan pengurus juga masih menunggu keputusan percubaan, komunikasi dan pelaksanaan yang lebih baik oleh pihak pengurusan agar mempunyai sabitan yang lebih kukuh. Walaupun kemas kini pendapatan Adobe menunjukkan bahawa ia berada di landasan yang betul untuk mencapai panduan FY, namun pelabur tidak terkesan dengan pengewangan AI yang tidak begitu berjaya terutamanya di bawah persekitaran makro yang tidak menentu.

Source / Sumber: Fund Commentary, March 2025, Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd.

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA ESG GLOBAL

All information as at 31 March 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2025 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL